

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA**

**TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan paling berkesan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dalam menangani isu kemalangan jalan raya maut yang melibatkan kenderaan berat yang mengalami kerosakan brek dan dipandu secara melulu serta cuai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) sentiasa bekerjasama dalam menangani isu kemalangan maut jalan raya yang melibatkan kenderaan berat. Selain daripada pemeriksaan berkala yang ditetapkan kepada kenderaan perdagangan setiap enam (6) bulan sekali di bawah seksyen 66B, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), pemantauan melalui aktiviti penguatkuasaan kenderaan perdagangan yang membawa lebih muatan menjadi tugas hakiki JPJ yang dilaksanakan setiap hari.
2. Berdasarkan operasi penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh JPJ melibatkan kenderaan pengangkutan barangan bagi tahun 2022 hingga 2024, sebanyak 1,512,916 Notis Saman telah dikeluarkan oleh JPJ atas pelbagai kesalahan melibatkan kenderaan perdagangan barangan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Selain itu, bagi kesalahan lebih muatan, sebanyak 7,259 kompaun telah dikeluarkan di bawah Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (Akta 334) dan 4,980 kertas siasatan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (Akta 715).
3. JPJ juga turut melaksanakan Audit Pemeriksaaan dan Keselamatan (JISA) terhadap kenderaan perdagangan. Sebanyak 5,559 audit telah dijalankan ke atas 3,088 syarikat sepanjang 2019 sehingga Oktober 2024. Bagi tahun 2024, sebanyak 210 lesen pengendali, 67 permit kenderaan telah di gantung. Manakala 2 lesen pengendali dan 32 permit kenderaan telah dibatalkan. Tindakan ini telah diambil berdasarkan kes kemalangan, dapatan dari Laporan Pemeriksaan dan Audit Keselamatan (JISA) oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan juga daripada aduan.
4. Kesalahan membawa lebih muatan merupakan salah satu punca berlakunya kegagalan pada sistem brek kenderaan susulan pemanasan melampau disebabkan muatan yang berlebihan terutamanya ketika menuruni bukit. Sebagai langkah ke hadapan, penguatkuasaan

**NO. SOALAN: 5**

Kenderaan Berat melalui *High-Speed Weigh-In-Motion* (HS-WiM) System akan dilaksanakan.

5. Sebagai langkah awal yang lebih berkesan, pelaksanaan sistem HS-WiM membenarkan suatu kenderaan motor ditimbang semasa bergerak dengan kelajuan tinggi sehingga 120 km/j. Bagi memastikan standard penimbangan adalah tepat, peralatan WiM akan dikalibrasi setiap 12 bulan dengan mematuhi piawaian yang ditetapkan. Sistem ini juga akan membolehkan pemantauan terhadap kenderaan berat dilaksanakan secara *real time*. Saman juga boleh dikeluarkan dengan segera sebagaimana pelaksanaan sistem AwAS.

Sekian, terima kasih.